

**SULIT**



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	PENGANTAR KENEGARAAN DAN PEMBANGUNAN MALAYSIA
KOD KURSUS	:	UWS 10403
PROGRAM	:	1 DAA/ DAB/ DAE/ DAJ/ DAM/ DAT/ DAU
TARIKH PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	<p>(A) JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN</p> <p>(B) JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN B DALAM BUKU SOALAN</p> <p>(C) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN</p>

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG DUA PULUH SATU (21) MUKASURAH

**SULIT**

**BAHAGIAN A : SOALAN ANEKA PILIHAN**

**S1** Elemen-elemen penting bagi sesebuah negara **kecuali**

- A tanah
- B bangsa
- C kerajaan
- D sempadan

**S2** Berikut merupakan kepentingan kedaulatan yang ada dalam sesebuah negara **kecuali**

- A menjamin negara bangsa yang kuat
- B menjaga martabat bangsa dan negara
- C sebaris dengan negara-negara maju di dunia
- D membentuk perpaduan dan kesejahteraan rakyat

**S3** Konsep sebuah kerajaan merujuk kepada satu rangkaian institusi

- A yang mentadbir sesebuah negara
- B yang memodenkan sistem pentadbiran
- C yang membuat dan melaksanakan dasar
- D yang menyelaras usaha-usaha pembangunan

**S4** Dua (2) unsur asas yang membezakan masyarakat majmuk di Malaysia iaitu

- A bahasa dan agama
- B nilai dan adat resam
- C agama dan keturunan
- D pekerjaan dan amalan

**S5** Pilih padanan yang **betul** bagi tahap kerajaan awal dan contohnya.

- A Kerajaan kecil : Pasai
- B Kerajaan empayar : Champa
- C Kerajaan empayar : Johor-Riau
- D Kerajaan besar : Gangga Negara

S6 Pilih susunan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka yang **tepat**.

- A Sultan, Pembesar Empat, Pembesar Lapan, Pembesar Dua Belas
- B Sultan, Pembesar Lapan, Pembesar Empat, Pembesar Tiga Puluh Dua
- C Pembesar Empat, Pembesar Dua Belas, Sultan, Pembesar Tiga Puluh Dua
- D Sultan, Bendahara, Syahbandar, Pembesar bergelar Raja, Pembesar Hulu

S7 Pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka adalah secara raja berkuasa mutlak.

Apakah yang dimaksudkan dengan raja berkuasa mutlak?

- A Pemerintahan raja adalah secara simbolik
- B Kedaulatan raja disandarkan kepada Islam
- C Kedudukan dan hak raja tidak boleh dipersoalkan
- D Kekuasaan raja adalah didasarkan kepada perlombagaan

S8 Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai kegemilangan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di Nusantara.

- A Islam telah diisytiharkan sebagai agama rasmi Melaka
- B Kerajaan telah mengutuskan pendakwah ke seluruh Nusantara
- C Islam telah mempengaruhi penyusunan undang-undang di Melaka
- D Melaka muncul sebagai pusat pengajian dan penyebaran Islam pada abad ke14

S9

Berperanan menjaga segala urusan yang berkaitan dengan perdagangan, memungut cukai dan mengawal lalu lintas

Pernyataan 1

Pernyataan 1 di atas merujuk kepada tugas-tugas

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Syahbandar
- D Temenggung

**S10** Pilih padanan yang **salah** bagi kuasa penjajahan dan tempoh penjajahannya.

- A Jepun : 4 tahun
- B British : 129 tahun
- C Belanda : 183 tahun
- D Portugis : 133 tahun

**S11** Faktor-faktor penjajahan Melaka oleh Portugis pada 1511 ialah

- A budaya dan agama
- B politik dan ekonomi
- C ekonomi dan agama
- D ekonomi dan budaya

**S12** Apakah kesan **utama** penjajahan Jepun dari aspek politik terhadap masyarakat Tanah Melayu?

- A Kesedaran perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan
- B Nilai matawang jatuh berpunca daripada tiada kawalan percetakan
- C Masalah kesihatan yang meruncing disebabkan kurang bekalan perubatan
- D Perusahaan bijih timah lumpuh akibat kemusnahan kawasan perlombongan

**S13** Siapakah pemimpin yang mengetuai penentangan terhadap British di Pahang?

- A Dol Said
- B Mat Kilau
- C Tok Janggut
- D Abdul Rahman Limpong

**S14** Apakah tindakan British yang menyebabkan Tok Janggut melakukan penentangan di Kelantan?

- A Menyekat kuasa pembesar tempatan dan tidak menghormati adat resam orang Melayu
- B Mengenakan cukai kepala, cukai pertanian dan cukai ternakan kepada penduduk tempatan
- C Memperkenalkan undang-undang tanah di mana para petani dikehendaki mendapatkan pas untuk mengusaha tanah
- D Melakukan penindasan terhadap penduduk tempatan dengan menjadikan mereka sebagai hamba untuk menjalankan kerja-kerja binaan

- S15** Episod awal campur tangan British di Tanah Melayu bermula dengan peristiwa
- A Perjanjian Inggeris - Belanda
  - B Francis Light menduduki Pulau Pinang
  - C Stamford Raffles menduduki Singapura
  - D Perjanjian Burney di antara British dan Siam
- S16** Usaha awal British untuk campur tangan di dalam politik Negeri-negeri Melayu wujud semasa
- A Perjanjian Pangkor
  - B Perjanjian Bangkok
  - C Perjanjian Persekutuan
  - D Perjanjian Inggeris-Belanda
- S17** Sistem Residen yang diamalkan oleh British memperlihatkan bahawa
- A penyelarasan di antara negeri-negeri dijajah dikuatkuasakan
  - B kuasa penuh diberikan kepada Residen bagi mewujudkan keamanan
  - C sistem perundangan digunakan bagi mengelakkan kuasa budi bicara
  - D keseragaman garis panduan pentadbiran dalam kalangan negeri-negeri dijajah
- S18** Semua pernyataan berikut mengenai kegiatan ekonomi semasa penjajahan British di Tanah Melayu adalah benar **kecuali**
- A kekayaan di Tanah Melayu dieksplotasi oleh British
  - B pengenalan sistem pecah dan perintah berdasarkan kaum
  - C kegiatan ekonomi bertumpu di bahagian timur Tanah Melayu
  - D perekonomian bergantung kepada perusahaan bijih timah dan getah
- S19** Apakah kesan **utama** penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)?
- A Kuasa sultan semua negeri dikembalikan
  - B Ipoh menjadi ibu pejabat persekutuan yang baru
  - C Ketua NNMB digelar sebagai Residen yang baru
  - D Jabatan Persekutuan diwujudkan untuk penyelarasan

- S20** Pegawai British yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tandatangan persetujuan Raja-Raja Melayu berhubung pembentukan Malayan Union ialah
- A J.W.W Birch
  - B Edward Gent
  - C Gerald Templer
  - D Harold MacMichael
- S21** Siapakah Gabenor Malayan Union yang pertama?
- A Edward Gent
  - B Ivor Jennings
  - C Henry Gurney
  - D Harold MacMichael
- S22** Apakah sebab **utama** Sistem Ahli diperkenalkan?
- A Merangka gerakan ke arah kemerdekaan
  - B Merancang pembangunan bagi Persekutuan Tanah Melayu
  - C Memberi latihan kepada pemimpin tempatan dalam hal pentadbiran
  - D Membolehkan perkongsian kuasa di antara British dan orang Melayu
- S23** Manakah **bukan** faktor utama yang mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu?
- A Keyakinan British terhadap parti Perikatan
  - B Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union
  - C Kesanggupan etnik Melayu, Cina dan India untuk bersatu
  - D Ancaman komunis boleh dilumpuhkan dengan kemerdekaan
- S24** Pilihan raya di peringkat tempatan yang pertama diadakan pada bulan Disember 1951 bagi memilih anggota
- A Majlis Perbandaran Ipoh
  - B Majlis Perbandaran Seremban
  - C Majlis Perbandaran Georgetown
  - D Majlis Perbandaran Kuala Lumpur

S25 Dalam rundingan kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman, terdapat dua (2) permintaan dalam memorandum yang dihantar ke Pejabat Tanah Jajahan British di London iaitu pemberian kerajaan sendiri secepat mungkin dan

- A penubuhan parti-parti politik di Tanah Melayu
- B pemberian hak kerakyatan terhadap penduduk bukan Melayu
- C perkongsian kuasa di antara kaum-kaum yang ada di Tanah Melayu
- D penubuhan suruhanjaya untuk menggubal perlombagaan baru Tanah Melayu

S26 Bilakah idea penubuhan Persekutuan Malaysia dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman?

- A 27 Mei 1961
- B 25 Mei 1961
- C 23 Mei 1961
- D 21 Mei 1961

S27

- Ditubuhkan pada April 1961 di Singapura
- Bertemu sebanyak 4 kali antara 1961-1962

Fakta di atas adalah berkaitan dengan sebuah jawatankuasa yang dibentuk bagi membincangkan penubuhan gagasan Malaysia.

Jawatankuasa tersebut merujuk kepada

- A Jawatankuasa Perisytiharan Darurat
- B Jawatankuasa Perundingan Antara Kaum
- C Jawatankuasa Perundingan MAPHILINDO
- D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

S28 Mengapa British tidak berminat untuk memberi kemerdekaan kepada Sabah, Sarawak dan Singapura secara berasingan?

- A Ancaman daripada Jepun
- B Ancaman daripada Filipina
- C Ancaman daripada komunis
- D Ancaman daripada Indonesia

S29 Pilih pasangan fakta yang salah.

- A Datu Mustapha Harun : Ketua Bajau di Sabah
- B Henry Gurney : Ahli Suruhanjaya Reid
- C A.M. Azahari : Ketua Parti Rakyat Brunei
- D Datuk Wong Pow Nee : Ahli Suruhanjaya Cobbolt

S30 Komponen **utama** dalam sistem kerajaan Malaysia diketuai oleh

- A Ketua Polis Negara
- B Ketua Hakim Negara
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Angkatan Tentera Malaysia

S31 Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) adalah salah satu contoh

- A kerajaan pusat
- B badan berkanun
- C kerajaan tempatan
- D Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

S32 Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya di dalam perkara berikut **kecuali**

- A melantik Perdana Menteri
- B tidak bersetuju pembubaran parlimen
- C menjalankan tugas-tugas sebagai raja dinegerinya
- D meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja mengenai keistimewaan dan kedudukan raja-raja

S33 Kuasa pemerintahan dan menguatkuasakan undang-undang dijalankan oleh komponen berikut

- A Eksekutif
- B Kehakiman
- C Perundangan
- D Yang di-Pertuan Agong

**S34** Jemaah Menteri atau Kabinet merupakan badan tertinggi untuk membentuk dasar-dasar utama negara.

Ia diketuai oleh

- A Ketua Pengarah
- B Perdana Menteri
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Ketua Setiausaha Negara

**S35** Apakah fungsi **utama** Dewan Rakyat?

- A Memperbaiki rang undang-undang
- B Mentafsir rang undang-undang yang digubal
- C Membentang dan membahas rang undang-undang
- D Memperhalusi dan meluluskan rang undang-undang

**S36** Peristiwa yang menyebabkan Rukun Negara dibentuk ialah

- A peristiwa 27 Mei 1961
- B peristiwa 13 Mei 1969
- C peristiwa 31 Ogos 1957
- D peristiwa 16 September 1963

**S37** Rukun Negara digubal untuk menjadi panduan dalam mewujudkan sebuah negara yang rakyatnya hidup bersatu padu dan harmoni.

Organisasi yang terlibat dalam pengubalan Rukun Negara ialah

- A Majlis Perpaduan Negara
- B Majlis Keselamatan Negara
- C Majlis Perundingan dan Perpaduan Negara
- D Majlis Perundingan dan Perpaduan Rakyat

**S38** Pembangunan sebelum merdeka boleh dilihat sebagai

- A menitikberatkan keperluan atas Tanah Melayu
- B pembangunan yang menekankan sektor perindustrian
- C pembangunan yang memberi fokus kepada etnik Melayu
- D pembangunan yang mewujudkan pengkhususan bidangan

**S39** Pertanian di Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan adalah berfokus kepada

- A padi dan getah
- B gambir dan lada hitam
- C getah dan kelapa sawit
- D kelapa sawit dan lada hitam

**S40**

**Perdana Menteri Z**

- Membangunkan ekonomi bumiputera
- Mengasaskan Barisan Nasional
- Menekankan pembangunan luar bandar

Siapakah Perdana Menteri Z?

- A Tun Hussien Onn
- B Tun Abdul Razak Hussien
- C Tun Dr. Mahathir Mohamed
- D Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

**S41** Pilih padanan yang tepat mengenai sumbangan Perdana Menteri Pertama dan Ketiga Malaysia?

	<b>Perdana Menteri Pertama</b>	<b>Perdana Menteri Ketiga</b>
A	Menubuhkan Persekutuan Malaysia	Menubuhkan INTAN
B	Menekankan perpaduan kaum	Dasar Pandang ke Timur
C	Memberi idea penubuhan ZOPFAN	Dasar Pensyarikatan
D	Menubuhkan sistem Raja Berperlembagaan	Terapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran

**S42** Tun Dr. Mahathir Mohamed pernah dilantik sebagai Menteri Pelajaran dalam kabinet

- A Tun Hussein Onn
- B Tun Abdul Razak Hussien
- C Tun Abdullah Ahmad Badawi
- D Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

**S43** Perdana Menteri Malaysia yang ketiga ialah

- A Tun Hussien Onn
- B Tun Abdul Razak Hussien
- C Tun Abdullah Ahmad Badawi
- D Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

**S44** Tun Hussien Onn juga dikenali sebagai

- A Bapa Perpaduan Malaysia
- B Bapa Pemodenan Malaysia
- C Bapa Kemerdekaan Malaysia
- D Bapa Pembangunan Malaysia

**S45** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Bapa Modal Insan kepada mantan Perdana Menteri kelima iaitu

- A Tun Hussien Onn
- B Tun Abdul Razak Hussien
- C Tun Dr Mahathir Mohamad
- D Tun Abdullah Ahmad Badawi

**S46** Strategi penyusunan semula masyarakat di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah

- A memajukan negeri dan kawasan yang mundur
- B mempertingkatkan peranan swasta di dalam pembangunan
- C memperkuatkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidaksamaan
- D menambahkan peluang untuk menukar kegiatan yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi

**S47** Apakah langkah yang diambil dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 untuk membasmi kemiskinan?

- A Mengurangkan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi
- B Pembangunan sumber manusia bagi mewujudkan tenaga yang cekap
- C Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
- D Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan melalui teknik moden

**S48** Apakah matlamat **utama** pembangunan sosio-ekonomi negara kita?

- A Meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar
- B Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat
- C Menggalakkan perindustrian yang berintensif teknologi
- D Mewujudkan pengagihan kekayaan yang adil dan saksama

**S49**

Dasar	X	Y
Tempoh	1971-1990	1991-2000
Matlamat	1. Pembasmian kemiskinan 2. Penyusunan semula masyarakat	1. Mencapai pembangunan seimbang 2. Mewujudkan kesan antara pertumbuhan ekonomi dan pengagihan sumber ekonomi yang saksama

Dasar X dan Y merujuk kepada

- A Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Wawasan Negara
- B Dasar Rancangan Malaya 1 dan Dasar Wawasan Negara
- C Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional
- D Dasar Rancangan Malaya 1 dan Dasar Pembangunan Nasional

**S50** Tun Dr. Mahathir telah memperkenalkan Wawasan 2020 yang bakal memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Wawasan tersebut diperkenalkan pada

- A 28 Februari 1991
- B 27 Februari 1991
- C 25 Februari 1991
- D 23 Februari 1991

**S51** Wawasan 2020 telah diumumkan dalam persidangan pertama Majlis Perniagaan Malaysia dalam kertas kerja yang bertajuk

- A *A Future of Malaysia*
- B *Malaysia: One Step Ahead*
- C *Malaysia: The Way Forward*
- D *The Way Forward of Malaysia*

S52 Antara kepentingan **utama** Wawasan 2020 ialah

- A merangka dasar kerja yang baharu
- B bersaing dengan negara-negara maju
- C menerapkan nilai bersaing kepada rakyat dalam kehidupan
- D mewujudkan pertumbuhan seimbang dalam semua sektor utama

S53 Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Pernyataan berikut merupakan hasrat mantan Perdana Menteri mengenai strategi pencapaian negara maju **kecuali**

- A menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum
- B mengimbangkan pendapatan bagi semua kelompok etnik
- C menarik kemasukan pelabur-pelabur asing dengan lebih banyak
- D melahirkan sebuah masyarakat yang berkongsi kemajuan ekonominya

S54 Antara pernyataan di bawah, yang manakah dimensi **utama** Dasar Wawasan Negara?

- A Membasmi kemiskinan bandar dan pedalaman
- B Mencapai penyertaan bumiputera yang berkesan
- C Menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma atau subsidi lebih meluas
- D Keseimbangan optimum antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan saksama

S55

- Rakyat memiliki nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh
- Memantapkan nilai moral dan etika yang utuh dalam kehidupan

#### Pernyataan 2

Pernyataan 2 di atas adalah merujuk kepada prinsip Wawasan 2020 iaitu

- A membina bangsa Malaysia yang bersatu padu
- B mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika
- C memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang
- D membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan

**S56** Rangka Rancangan Jangka Panjang 3 merupakan fasa kedua dalam kerangka negara mencapai Wawasan 2020.

Apakah teras dasar di atas untuk memacu negara ke arah Wawasan 2020 supaya mempunyai daya tahan dan daya saing di pasaran global?

- A Memantapkan sumber manusia bagi menongkah pemodenan perindustrian
- B Membangunkan ekonomi berdasarkan pengetahuan sebagai satu langkah strategik
- C Menggalakkan proses pengeluaran yang lebih bersepadu antara industri domestik bagi mengurangkan pergantungan luar
- D Memusatkan transformasi ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti

**S57** Pembasmian kemiskinan di dalam Dasar Wawasan Negara memberi tumpuan kepada

- A kemiskinan relatif
- B kemiskinan mutlak
- C kemiskinan relatif dan mutlak
- D kemiskinan bandar dan pedalaman

**S58** Apakah rasional Dasar Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan?

- A Melahirkan masyarakat yang berdaya tahan
- B Mewujudkan pembangunan sumber manusia
- C Membentuk identiti kebangsaan dan perpaduan negara
- D Menerapkan nilai dan amalan positif kepada masyarakat

**S59** Dasar Pendidikan Kebangsaan mempunyai objektif untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi.

Bagaimanakah strategi pelaksanaan dasar ini dapat dicapai?

- A Peluang pendidikan asas selama 6 tahun
- B Melenturkan bidangan mengikut kesesuaian
- C Pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu
- D Sistem peperiksaan berdasarkan sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan

- S60** Apakah matlamat **utama** Dasar Pertanian Negara?
- A Mengusahakan perniagaan tani secara cekap dan efisien
  - B Menjadikan pihak swasta sebagai agen aktif pembangunan
  - C Mengkomersilkan output dengan penggunaan sains dan teknologi moden
  - D Memaksimakan pendapatan melalui penggunaan sumber negara secara cekap
- S61** Halatuju **utama** sektor pertanian negara berorientasikan
- A pemasaran
  - B perniagaan
  - C pengeluaran
  - D perkhidmatan
- S62** Kerajaan Malaysia telah mengkaji semula dasar dan strategi perindustrian dengan melancarkan dua (2) kajian **utama** iaitu
- A Kajian Ekonomi dan Dasar Perindustrian Baru
  - B Dasar Pembangunan Ekonomi dan Dasar Industri Berat
  - C Dasar Perindustrian Negara dan Dasar Ekonomi Induk
  - D Kajian Dasar Perindustrian Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian
- S63** Pelan Induk Perindustrian (PIP) mempunyai matlamat **utama** untuk
- A mempelbagaikan sektor ekonomi negara
  - B memaksimakan pendapatan melalui perindustrian
  - C merapatkan jurang pengenalan kaum melalui perindustrian
  - D menjadikan sektor perindustrian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi
- S64** Pelan Induk Perindustrian (PIP) bertujuan membangunkan sumber manusia dengan cara
- A mempelbagaikan dan mengeksplorasi industri sebagai sumber pendapatan
  - B membasmi dan menyusun semula masyarakat yang berbilang etnik
  - C mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu padu
  - D mengubahsuai rancangan pelajaran dan latihan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja

- S65** Berikut merupakan strategi Dasar Sains dan Teknologi **kecuali**
- A mengimport sepenuhnya teknologi luar
  - B meningkatkan kepakaran sumber manusia
  - C membangunkan bidang teknik sokongan dan saintifik
  - D memajukan projek-projek penyelidikan dan pembangunan
- S66** Sains dan teknologi sangat **penting** kepada negara kerana ia mampu
- A menghasilkan nilai tambah produk
  - B membangunkan ekonomi perindustrian moden
  - C merangsangkan penyelidikan dan pembangunan
  - D mewujudkan penambahbaikan kemudahan infrastruktur
- S67** Apakah cabaran **utama** pembangunan di Malaysia?
- A Pembinaan negara yang aman dan harmoni
  - B Pembasmian kemiskinan dalam kalangan rakyat
  - C Memperbaiki infrastruktur dan kesejahteraan rakyat
  - D Mewujudkan pengagihan kekayaan yang adil dan saksama
- S68** Sebagai seorang mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), berikut adalah beberapa tanggungjawab yang perlu dilaksanakan **kecuali**
- A terlibat secara aktif dan agresif dalam politik negara
  - B terlibat aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran
  - C menjaga etika pergaulan dan pakaian sebagai seorang mahasiswa
  - D menjaga adab sopan dengan rakan, pensyarah dan semua staf UTHM
- S69** Kematangan berpolitik merupakan satu daripada kejayaan Malaysia apabila
- A peranan parlimen dikawal oleh Jemaah Menteri
  - B rakyat mengiktiraf negara sebagai organisasi paling unggul
  - C parti bukan pro kerajaan saling bekerjasama di dalam kabinet
  - D kesanggupan berkongsi kepimpinan oleh parti politik pro kerajaan dan pembangkang

S70 Penggabungan parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan MIC membentuk Barisan Nasional adalah salah satu contoh \_\_\_\_\_ negara.

- A cabaran
- B kejayaan
- C kelemahan
- D keunggulan

S71 Tahap perpaduan yang tinggi diperlukan dalam proses kelangsungan pembangunan negara yang bertujuan

- A mewujudkan kestabilan politik dan keamanan dalam negara
- B membina masyarakat Malaysia yang berjiwa bebas dan tenteram
- C menjadikan Malaysia benar-benar maju dalam sains dan teknologi
- D mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersifat liberal dan bertoleransi

S72 Perhubungan Malaysia dalam Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) melambangkan hubungan yang berbentuk

- A bilateral
- B trilateral
- C unilateral
- D multilateral

S73 Pilih pernyataan yang menggambarkan sosio-politik Kesultanan Melayu Melaka.

- I Konsep naungan digunakan
- II Masyarakat Melaka merupakan masyarakat yang mudah
- III Raja penentu kepada kemajuan dan kemunduran kerajaan
- IV Undang-undang dipengaruhi oleh Adat Perpatih, Temenggung dan agama Islam

- A I dan II
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S74 Pilih susunan yang **betul** peristiwa menuju ke arah kemerdekaan?

- I Kemerdekaan
  - II Malayan Union
  - III Suruhanjaya Reid
  - IV Persekutuan Tanah Melayu 1948
- A I, II, III dan IV
  - B I, III, IV dan II
  - C II, III, IV dan I
  - D II, IV, III dan I

S75 Manakah di antara berikut merupakan sebab **utama** yang membawa kepada penubuhan Malaysia?

- I Mewujudkan usahasama politik
  - II Membendung ancaman komunis
  - III Mewujudkan zon ekonomi kukuh di Asia Tenggara
  - IV Mempercepatkan kemerdekaan wilayah yang terlibat
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

S76 Apakah kesan-kesan daripada kemasukan British mulai tahun 1874?

- I Sultan kehilangan kuasa pentadbiran
  - II Pembesar Melayu kehilangan daerah
  - III Sistem penasihat British dilaksanakan
  - IV Francis Light menduduki Pulau Pinang
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan III
  - D Semua di atas

**S77** Faktor-faktor berikut telah diberi pertimbangan dalam membentuk Perlembagaan Persekutuan di Malaysia iaitu

- I sistem beraja
  - II masyarakat yang pelbagai etnik
  - III minat politik daripada pelbagai pihak
  - IV wilayah yang bebas daripada pencabulan
- A I, II, dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

**S78** Pilih pernyataan yang menggambarkan amalan demokrasi di Malaysia.

- I Parlimen di Malaysia berbentuk dwi-dewan
  - II Dewan Negara terbubar apabila parlimen dibubarkan
  - III Setiap warganegara dibenarkan bertanding di dalam pilihanraya
  - IV Keputusan-keputusan adalah dibuat berdasarkan bilangan undi terbanyak
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

**S79** Teras Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ialah

- I Penekanan terhadap ekologi dan alam sekitar
  - II Membangunkan sumber manusia secara maksimum
  - III Menambahkan bahagian rakyat Malaysia dalam pemilikan modal
  - IV Menjadikan sains dan teknologi sebagai teras perancangan dan pembangunan
- A I dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

S80 Apakah ciri-ciri **utama** sebagai warganegara yang bertanggungjawab?

- I Mengenal diri dan mencintai warisan bangsa dan negara
  - II Mempunyai perasaan cinta dan bangga terhadap agama, bangsa dan negara
  - III Bersemangat kekitaan, berdisiplin dan hidup bermasyarakat secara harmonis
  - IV Menghargai usaha-usaha negara dalam kemajuan dan kestabilan masyarakat
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**BAHAGIAN B: SOALAN STRUKTUR**

**NO. MATRIK : .....**

**S1** Sesebuah negara yang berdaulat akan mempunyai ciri-ciri berikut;

i. ....

ii. ....

iii. ....

(3 markah)

**S2** Berikan tiga (3) faktor Kerajaan Melayu Melaka mencapai kegemilangan dalam abad ke 15.

i. ....

ii. ....

iii. ....

(3 markah)

**S3** Apakah yang dimaksudkan dengan “Kontrak Sosial”?

.....  
.....  
.....

(2 markah)

**S4** Berikan dua (2) cabaran yang boleh mengugat keamanan dan kemajuan Malaysia pada hari ini.

i. ....

ii. ....

(2 markah)